



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
KENYATAAN MEDIA  
BIL. 9 / 2025**

**PROSES PENGUNDIAN AWAL BAGI  
PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI  
N.48 AYER KUNING, PERAK**

1. Hari ini telah berlangsung proses pengundian awal bagi **PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak**. Proses pengundian awal ini hanya melibatkan **dua (2) Pusat Mengundi** iaitu di **Dewan Anggerik, Kompleks Perumahan IPD Tapah** yang bermula pada pukul **8:00 pagi sehingga 12.00 tengah hari** dan **Dewan Rekreasi Pegawai Kanan, Batalion 3 PGA Bidor** yang bermula pada pukul **8:00 pagi sehingga 5:00 petang**.
2. Proses mengundi awal bagi PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak melibatkan seramai **500** orang pengundi awal yang terdiri daripada anggota Polis dan pasangan Polis PGA. Peratus keluar mengundi bagi hari mengundi awal adalah sebanyak **93.4%**.
3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.

4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, pengamal media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

22 April 2025 / 23 Syawal 1446H